

NAM, peluang dunia dengar suara keamanan rakyat M'sia: Abu Hassan

KOTA KINABALU: Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) Ke-13 yang akan berlangsung di ibu negara dari 20-25 Feb ini akan menyediakan ruang terbaik untuk dunia mendengar suara rakyat Malaysia yang cintakan keamanan.

Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Tan Sri Prof Dr Abu Hassan Othman kelmarin berkata masyarakat dunia telah mendesak agar kuasa besar mentakrif, mencari dan mengatasi punca-punca keganasan, tetapi desakan ini hanya mendapat pandangan sepi kuasa besar seperti Amerika Syarikat.

"Pada masa ini, disebabkan tiada kuasa pengimbang kepada kuasa tunggal iaitu Amerika Syarikat, maka Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), dalam tindak-tanduknya mengatasi keganasan, masih mencari-cari formula paling sesuai agar keadilan dan keamanan dapat dipulihkan.

"Oleh itu kita mengharapkan agar melalui Sidang Kemuncak NAM, kita akan dapat menarik perhatian dunia terhadap suara rakyat berbilang kaum di Malaysia yang cintakan keamanan dan keadilan," katanya ketika merasmikan program Jelajah Keamanan Rakyat Malaysia peringkat institusi pengajian tinggi awam di kampus UMS, dekat sini kelmarin.

Beliau berkata walaupun Malaysia dan banyak negara lain bersetuju dengan perang terhadap keganasan, apa yang Malaysia mahukan ialah penyelesaian yang berkeadilan dan menyelu-

ruh berdasarkan prinsip keadilan dan keseksamaan.

Sambil memberi contoh prinsip kedaulatan dalam Konvensyen Geneva yang memperuntukkan bahawa sesebuah negara berdaulat tidak boleh digugat atau diancam oleh negara lain, Prof Dr Abu Hassan berkata masih ada pihak yang menjadikan sesuatu perkara, yang nyata salah dan silapnya, sebagai agenda untuk menyerang negara lain.

"Hipokrasi dan sikap pilih kasih kuasa-kuasa besar menjadikan dunia sentiasa tidak aman. Negara-negara yang berkongsi sempadan sentiasa hidup dalam keadaan syak wasangka.

"Tindakan satu pihak (unilateral) negara-negara kuasa besar dan tindakan pengganas pula menyebabkan tiada ruang yang benar-benar selamat untuk didiami. Keadaan ini amat merunsingkan terutama bagi rakyat Malaysia yang cintakan keamanan," katanya.

Beliau berharap program promosi keamanan membabitkan rakyat negara ini akan dapat menyumbang ke arah pengurangan keamanan dunia.

"Kita telah menunjukkan kepada mereka bahawa kita bersungguh-sungguh inginkan keamanan dan kesejahteraan masyarakat sejagat," katanya.

Kira-kira 3,000 mahasiswa dari seluruh Sabah berarak bagi membantah hasrat Amerika Syarikat untuk menyerang Iraq, menentang keganasan Israel di Palestin serta penggunaan senjata pemusnah.